

10 MAY 2001

Cuepacs-Persaraan

CUEPACS SAMBUT BAIK KEPUTUSAN KABINET TENTANG UMUR PERSARAAN BARU

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) menyambut baik keputusan kabinet untuk menetapkan 1 Okt ini sebagai tarikh bermulanya umur persaraan baru.

Setiausaha Agung Cuepacs Abd Rahman Manan berharap kerajaan khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Pejabat Peguam Negara dapat menguruskan pindaan Akta Pencen 1980 supaya ia boleh dibentangkan pada sidang Parlimen Julai depan sebelum ke Dewan Negara.

"...dengan ini ia dapat dikuatkuasakan pada 1 Okt 2001 sebagaimana telah diputuskan oleh mesyuarat mingguan kabinet semalam," katanya dalam satu kenyataan kepada Bernama hari ini.

Jika pindaan akta itu dibuat, umur persaraan baru kakitangan awam adalah dari 55 kepada 56 tahun.

Katanya Ceupacs menerima pandangan dan ulasan kerajaan yang bersetuju untuk melanjutkan umur persaraan kakitangan awam kepada 56 tahun buat permulaan dan berharap akhirnya menjadi 60 tahun melalui proses berperingkat.

Alasan kerajaan adalah bagi mengelakkan pengangguran penuntut lepasan sekolah dan universiti serta kos-kos yang terlibat.

"Kerajaan juga harus sedar jika kakitangan awam bersara pada akhir 54 atau 55 tahun, ini akan merugikan kerajaan dari segi kehilangan tenaga mahir dan taraf kesihatan rakyat yang telah meningkat sekarang ini," katanya.

Cadangan melanjutkan umur persaraan kakitangan awam kepada 60 tahun ini telah dikemukakan oleh Cuepacs pada mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Am pada 1998 tetapi tidak dipersetujui JPA.

Cuepacs kemudiannya mengemukakan cadangan balas pada 30 April 1999 supaya umur persaraan dilanjutkan kepada 58 tahun secara opsyenal dan telah dibincangkan beberapa kali dengan JPA, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam pertemuan Cuepacs dengan Perdana Menteri pada 14 Mac lepas, pertubuhan itu dimaklumkan bahawa kerajaan bersetuju melanjutkan umur persaraan daripada awal 55 tahun kepada awal 56 tahun secara percubaan yang akhirnya kepada 58 tahun dan 60 tahun.

Dalam laporan akhbar hari ini, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn mengumumkan kabinet bersetuju menetapkan Oktober ini sebagai tarikh bermulanya umur persaraan baru bagi kakitangan kerajaan.

-- BERNAMA

SLR AHH LAT